

KRITIKAN SOSIAL DALAM NOVEL *NARATIF OGONSHOTO*

AZEAN NADHIRAH BINTI AZMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
azeannadhirahazman@gmail.com

NUR AFIFAH VANITHA BINTI ABDULLAH*
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurafifah@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Novel *Naratif Ogonshoto* adalah sebuah karya sastera yang dihasilkan oleh Anwar Ridhwan pada tahun 2001. Novel ini merupakan sebuah novel yang memaparkan realiti kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan politik, perjuangan, konflik, ekonomi dan unsur alam sebagai sumber kehidupan sosial dan pengalaman masyarakat Ogonshoto. Dalam membahaskan soal masyarakat, penulisan ini meneliti novel *Naratif Ogonshoto* dari aspek latar belakang pengarang yang mempunyai banyak pengalaman hidup dalam sesebuah kelompok masyarakat Ogonshoto sehingga mampu menghasilkan novel yang sarat dengan isu masyarakat ini. Penelitian ini juga turut dilakukan berdasarkan kepada aspek kritikan sosial terhadap isu masyarakat yang diketengahkan oleh pengarang dalam karyanya. Sehubungan itu, penulisan ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan, apakah isu-isu sosial yang disampaikan oleh pengarang dalam novel *Naratif Ogonshoto*? Teori sosiologi sastera yang dipelopori oleh Karl Marx dan Friedrich Engels telah diaplikasikan untuk menganalisis data bagi penulisan ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif dan bahan-bahan seperti artikel, jurnal, tesis-tesis lepas dan internet dirujuk untuk mendapatkan data dan menjawab persoalan penulisan ini. Dapatan penulisan ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai isu sosial yang diterapkan oleh pengarang dalam novel *Naratif Ogonshoto* iaitu kekejaman terhadap rakyat, penindasan ke atas rakyat, rasuah dalam kalangan ahli politik, perebutan kuasa antara golongan atasan, penyelewengan kuasa oleh pemimpin, sikap kurang amanah, amalan kronisme dalam kalangan orang atasan dan pemerintahan diktator di sebalik sistem demokrasi.

Kata kunci: Anwar Ridhwan; kritikan sosial; masyarakat; *Naratif Ogonshoto*; sosiologi sastera

SOCIAL CRITICISM IN *NARATIF OGONSHOTO'S* NOVEL

ABSTRACT

Naratif Ogonshoto novel is a literary work produced by Anwar Ridhwan in 2001. This novel displays the reality of community life related to politics, struggle, conflict, economy and natural elements as a source of social life and experience of Ogonshoto community. In discussing the issue of society, this writing examines the novel *Naratif Ogonshoto* from the aspect of the author's background who has a lot of life experience in Ogonshoto community until be able to produce a novel loaded with community issues. This research is also conducted based on aspects of social criticism of community issues highlighted by the author in his work. Accordingly, this writing is conducted aimed at answering the question, what are the social issues presented by the author in the novel *Naratif Ogonshoto*? The theory of literary sociology pioneered by Karl Marx and Friedrich Engels was applied to obtain data for this writing. The research method used is qualitative research and materials such as articles, journals, past theses and internet are referenced to obtain data and answer this writing question. The findings of the study for this writing show that there are various social issues applied by the author in the novel *Naratif Ogonshoto* namely cruelty against the people, oppression of the people, corruption among politicians, power struggles between the upper classes, abuse of power by leaders, lack of trust, the practice of cronyism among the upper classes and the dictatorial rule behind the democratic system.

Keywords: Anwar Ridhwan; social criticism; society; *Naratif Ogonshoto*; literary sociology

PENGENALAN

Novel *Naratif Ogonshoto* adalah karya yang dihasilkan oleh Anwar Ridhwan. Beliau adalah seorang penulis yang telah banyak menghasilkan karya-karya sastra seperti cerpen, novel, puisi dan skrip drama (Ariff Mohamad, 2016). Anwar Ridhwan merupakan seorang Sasterawan Negara ke-10 yang pernah menerima anugerah S.E.A Write Award pada tahun 2002 di atas kejayaannya menghasilkan karya yang unggul iaitu novel *Naratif Ogonshoto* (Anwar Ridhwan, 2015). Bukan itu sahaja, novel ini juga turut memenangi Hadiah Sastra Perdana pada tahun 2001 dan Hadiah Sastra MASTERA pada tahun 2002 (Anwar Ridhwan, 2015). Novel ini merupakan novel yang memaparkan realiti kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan politik, perjuangan, konflik, ekonomi, unsur alam sebagai sumber kehidupan sosial dan pengalaman masyarakat Ogonshoto. Novel ini mempunyai pelbagai kisah berkaitan dengan kehidupan masyarakat Ogonshoto dan dalam setiap bab novel ini menyampaikan pelbagai cerita-cerita yang berbeza. Namun, hanya terdapat satu persamaan yang dapat dilihat melalui novel ini iaitu pengarang menyelitkan

watak seorang ‘Presiden’ dalam setiap bab yang dijadikan sebagai penggerak bagi jalan cerita yang ditulisnya.

Novel *Naratif Ogonshoto* (2001) oleh Anwar Ridhwan merupakan sebuah karya yang sudah sedekad berada dalam dunia kesusasteraan Melayu. Jadi, sudah tentu terdapat banyak kajian yang telah dijalankan ke atas novel ini. Namun, kesemua kajian-kajian tersebut hanya menumpukan kepada hasil karya pengarang sahaja, tetapi agak kurang meneliti kehidupan dan budaya masyarakat Ogonshoto yang diketengahkan oleh pengarang dalam karyanya. Oleh itu, kekurangan kajian mengenai cara hidup masyarakat dalam novel ini telah menjadi masalah utama dalam kajian ini. Novel ini juga banyak menerapkan isu atau konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Ogonshoto. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pengarang ingin mengemukakan tema pemimpin politik yang bergelut dengan budaya masyarakat tempatan. Perbuatan pemimpin tersebut telah menyebabkan timbulnya pelbagai masalah kepada masyarakat apabila pemimpin bertindak mementingkan diri sendiri tanpa menjaga kepentingan masyarakat, budaya dan alam sekitar. Oleh yang demikian, kajian perlu dijalankan bagi membincangkan kritikan sosial masyarakat secara terperinci dengan menumpukan kepada masalah-masalah yang ada dalam novel.

Berdasarkan kepada penelitian terhadap kajian-kajian lepas, terdapat beberapa masalah yang boleh diperolehi. Antaranya kajian tentang cara hidup dan struktur masyarakat terhadap novel ini jarang dibincang atau dikaji dan ianya masih lagi terhad. Kebanyakan kajian berkisar tentang isi-isi kandungan novel sahaja dan tidak begitu berkait dengan struktur masyarakat Ogonshoto yang digambarkan oleh pengarang dalam novel *Naratif Ogonshoto*. Melalui penelitian tersebut, dapat dikatakan bahawa terdapatnya kelompongan terhadap kekurangan kajian mengenai cara hidup masyarakat yang terdapat dalam novel *Naratif Ogonshoto*. Bagi mengisi kelompongan tersebut, penulisan artikel ini perlu dilaksanakan bertujuan untuk menjelaskan aspek kritikan sosial yang dikemukakan oleh Anwar Ridhwan dalam novelnya iaitu *Naratif Ogonshoto*.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Penulisan lepas yang mengangkat novel *Naratif Ogonshoto* (2001) sebagai subjek kajian masih lagi terhad. Terdapat tiga kajian yang membincangkan novel *Naratif Ogonshoto* melalui pelbagai aspek kajian yang berbeza-beza. Kajian yang pertama adalah kajian yang dijalankan oleh Ariff Mohamad (2016), yang menganalisis novel ini untuk mencari makna siratan daripada beberapa pengungkapan yang diselitkan oleh pengarang dalam karyanya. Selain itu, ada juga kajian yang membahaskan tentang kepengarangan Anwar Ridhwan dengan meneliti dua buah novel iaitu *Naratif Ogonshoto* dan *Penyeberang Sempadan* (Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din dan Phaosan Jehwae, 2020). Kajian yang ketiga pula dihasilkan oleh Mawar Shafei (2005), yang membincangkan tentang penggunaan teks-teks tradisional yang terdapat dalam karya Anwar Ridhwan termasuk novel *Naratif Ogonshoto*. Perkara ini seiring dengan kajian ini yang juga turut mengangkat novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan sebagai subjek kajian.

Penulisan Ariff Mohamad (2016), dalam *Makna Siratan Dalam Novel Politik Melayu Terpilih: Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu*. Kajian ini menganalisis makna siratan daripada pengungkapan dalam lima buah novel politik Melayu.

Perbincangan ini telah menggunakan novel *Sebelas Rejab*, *Anak Mat Lela Gila*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto* sebagai bahan kajian. Analisis ini dilakukan berdasarkan kepada Gagasan Kritikan Melayu dalam mentafsir makna siratan khususnya dalam tiga dimensi iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam. Instrumen yang digunakan untuk memperoleh data adalah dengan menggunakan kaedah kepustakaan sepenuhnya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kerelevanan penggunaan Gagasan Kritikan Melayu dalam mentafsir makna siratan yang ada dalam karya pengarang. Persamaan kajian tersebut dengan kajian ini adalah kedua-duanya menggunakan novel *Naratif Ogonshoto* sebagai bahan kajian. Perkara yang membezakan kedua-dua kajian ini adalah masing-masing menggunakan teori yang berbeza iaitu Gagasan Kritikan Melayu dan teori sosiologi sastera.

Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din dan Phaosan Jehwae (2020), dalam *Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan*. Kajian ini bertujuan meneliti keunggulan kepengarangan Anwar dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Penulisan ini mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kedua-dua novel tersebut yang menjadi kekuatan kepada kepengarangan pengarangnya. Analisis ini dilakukan dengan menggunakan teori Teksdealisme melalui empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keindividualan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa novel-novel yang dihasilkan oleh Anwar Ridhwan sememangnya merupakan sebuah karya-karya yang unggul. Perkara yang membezakan kajian tersebut dengan kajian ini adalah penggunaan teori yang berlainan iaitu teori teksdealisme dan teori sosiologi sastera. Namun, kajian ini masing-masing menggunakan novel *Naratif Ogonshoto* sebagai bahan kajian utama.

Mawar Shafei (2005), dalam *Hipoteks Tradisional dalam Novel-Novel Anwar Ridhwan*. Penulisan ini dihasilkan bertujuan untuk memperlihatkan kecenderungan pengembangan dalam karya-karyanya iaitu dengan memasukkan teks tradisional dan menjadikannya sebagai sebahagian besar unsur yang menggerakkan novel. Perbincangan beliau telah menggunakan novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Arus* (1985), *Di Negeri Belalang* (1989) dan *Naratif Ogonshoto* (2015) sebagai bahan kajian. Analisis beliau dihasilkan berdasarkan kepada dasar Intertekstualiti Gerard Genette untuk mengupas hipoteks tradisional yang terdapat dalam karya Anwar Ridhwan. Instrumen utama yang digunakan untuk memperoleh data adalah dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan teks tradisional sebagai hipoteks dalam penciptaan novel Anwar Ridhwan dalam kajian ini menyatakan kepentingan hipoteks yang dirujuk dan mempertimbangkannya sebagai pemberi tanda dan makna kepada hiperteks. Hal ini sama dengan kajian ini yang juga turut menggunakan novel *Naratif Ogonshoto* sebagai bahan kajian. Perbezaan kajian ini dapat diperhatikan melalui teori yang digunakan bagi menganalisis novel.

METODOLOGI

Kajian ini hanya menggunakan kaedah kajian kualitatif sepenuhnya sebagai instrumen kajian untuk memperoleh data. Kaedah kepustakaan adalah instrumen kajian utama dengan meneliti buku-buku, artikel jurnal dan tesis-tesis lepas bagi mendapatkan fakta dan

ulasan mengenai teori sosiologi sastera serta termasuklah perbincangan yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Kaedah ini dijalankan di beberapa buah perpustakaan bagi melaksanakan proses pengumpulan data seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Perpustakaan Pusat Bitara Melayu dan sebagainya. Di samping itu, kajian ini juga turut melibatkan penggunaan bahan-bahan digital untuk mengakses maklumat tambahan mengenai kajian ini.

Kajian ini hanya menggunakan kaedah kualitatif sahaja kerana kajian terhadap karya sastera memerlukan pembacaan yang luas dan lebih mendalam khususnya mengenai kesusasteraan Melayu moden. Setiap buku dan sumber lain yang dijadikan sebagai rujukan dianalisis dengan begitu teliti supaya dapat mentafsir dan membantu dalam menghasilkan kajian yang berkualiti. Selain itu, pembacaan rapi juga turut dilakukan dengan memfokuskan kepada sumber yang membincangkan teori sosiologi sastera.

KERANGKA ANALISIS

Teori sosiologi sastera adalah suatu ilmu yang memanfaatkan faktor sosial sebagai pembangunan sastera (Suwardi, M. Hum. 2011). Pada dasarnya, definisi sosiologi adalah suatu disiplin ilmu yang bersifat positif iaitu mempelajari kelakuan-kelakuan dalam masyarakat yang didasarkan pada pemikiran yang bersifat rasional dan ilmiah. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pendapat Rohana Yusof (1997) yang menyatakan bahawa sosiologi adalah suatu disiplin baharu dalam perbandingan sains sosial dan sains fizikal dan bukan sains kemanusiaan yang berada di pertengahan. Menurut Ungku Maimunah dalam “Aspek Sosiologi Filem Pendekar Bujang Lapok” (Nur Afifah Vanitha Abdullah & Intan Zainatul Maria Zainudin, 2021), sosiologi sastera didefinisikan sebagai wujudnya kaitan antara sastera dan masyarakat dalam karya yang dihasilkan.

Berdasarkan definisi tersebut dapat disimpulkan bahawa teori sosiologi sastera merujuk kepada teori yang digunakan bagi membincangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat yang terdapat dalam karya-karya sastera. Perkara ini dapat diperkukuhkan lagi dengan pendapat Umur Junus (1986), yang mengatakan bahawa teori sosiologi sastera merujuk kepada karya sastera sebagai dokumen sosiobudaya yang mencerminkan satu zaman. Dalam erti kata lain, sastera menggambarkan kehidupan sesebuah masyarakat pada suatu zaman.

Hubungan sosiologi dan sastera dapat dilihat pada keterangan Laurenson & Swingewood (1972), mereka mengatakan sosiologi yang digambarkan dalam karya sastera memaparkan perubahan kehidupan manusia. Karya-karya sastera banyak menceritakan hubungan manusia dengan keluarga, politik, negara, kedudukan, konflik antara kumpulan masyarakat dan strata kelas sosial. Berdasarkan pernyataan ini dapat dibuktikan bahawa teori sosiologi sastera merupakan kajian objektif tentang manusia dalam masyarakat dan institusi sosial yang dipaparkan dalam karya sastera.

Menurut Mana Sikana (1998), teori sosiologi sastera membincangkan kesusasteraan itu berdasarkan kepada beberapa model asas iaitu model pencerminan, model penerbitan, model pengetahuan negatif, model yang berpusatkan bahasa dan model genetik. Namun, bagi mencapai objektif yang dihasilkan, kajian ini hanya melihat kepada model pencerminan sahaja. Hal ini kerana model ini melihat sastera sebagai bayangan kepada sesebuah masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan yang merangkumi politik, ekonomi

dan sosial. Cerminan masyarakat yang terdapat dalam kajian ini dikaji berdasarkan kepada kritikan sosial mengenai masyarakat yang dikemukakan oleh Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kritikan sosial masyarakat merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam penulisan sesebuah novel. Hal ini kerana novel merupakan sebuah medium yang seringkali digunakan oleh para pengarang untuk menyampaikan kritikan mereka terhadap isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Kritikan sosial yang diketengahkan dalam novel sebenarnya dapat memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa terdapat pelbagai isu dan masalah sosial yang terjadi dalam kalangan masyarakat tanpa mereka sedari.

Kritikan sosial masyarakat dalam novel merujuk kepada suatu bentuk komunikasi dalam kalangan masyarakat yang berfungsi sebagai refleksi pengarang terhadap isu-isu yang terdapat dalam kehidupan masyarakat. Menurut Abar (Muhammad Ardi Kurniawan, 2011), kritikan sosial adalah suatu bentuk komunikasi dalam masyarakat yang bertujuan atau berfungsi sebagai kawalan terhadap jalan sebuah sistem sosial atau proses bermasyarakat. Dalam konteks ini kritikan merupakan salah satu bahagian penting dalam memelihara sistem sosial.

Dalam novel *Naratif Ogonshoto*, terdapat pelbagai kritikan sosial yang diutarakan oleh pengarang dan kritikan ini dilakukan dengan melihat kepada gambaran masyarakat. Namun, perbincangan ini hanya memfokuskan kepada beberapa kritikan sosial sahaja seperti kekejaman terhadap rakyat, penindasan ke atas rakyat, rasuah dalam kalangan ahli politik, perebutan kuasa antara golongan atasan, penyelewengan kuasa oleh pemimpin, sikap kurang amanah, amalan kronisme dalam kalangan orang atasan dan pemerintahan diktator di sebalik sistem demokrasi.

Kritikan Sosial Terhadap Rakyat

a. Kekejaman terhadap Rakyat

Kekejaman merupakan perihal yang bersangkutan dengan perbuatan atau tingkah laku manusia yang kurang baik. Kekejaman merangkumi keganasan dan kezaliman yang dilakukan oleh seseorang terhadap individu yang kurang disenanginya. Dalam perbincangan ini kekejaman merujuk kepada sikap pemimpin atau orang atasan yang bertindak kejam terhadap rakyatnya demi mengekalkan kekuasaan yang dimiliki dan memperoleh sesuatu yang diinginkannya. Dalam novel *Naratif Ogonshoto*, terdapat beberapa kritikan terhadap isu ini yang ditunjukkan dengan begitu jelas oleh watak Presiden, politikus muda dan bekas komadan.

i. Presiden

Watak Presiden yang digarap oleh Anwar Ridhwan dalam novel ini telah digunakan bagi menggambarkan masyarakat yang sering kali melakukan kekejaman terhadap orang-orang yang lemah demi kepentingannya sendiri. Kritikan ini berkemungkinan ingin ditujukan kepada sesetengah pemimpin yang selalu sahaja bertindak kejam terhadap rakyatnya. Watak Presiden yang diutarakan dalam novel ini diperhatikan telah melakukan kekejaman

dengan menyiksa salah seorang penduduk Ogonshoto yang telah mengetahui rahsia jahatnya. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Dalam remang itu Presiden tiba-tiba muncul di sisinya, lalu melepaskan das keempat. Tembakan itu menghancurkan palma tangan kanannya. Semak-semak yang bergoyangan tiba-tiba bangkit menjelma beberapa orang tentera elit Presiden yang segera menyerbu pemuda itu. Seorang daripada tentera itu mencengkam pipi pemuda itu dengan tekanan jari yang kuat, memaksa pemuda itu mengeluarkan lidahnya. Dengan pantas lidah itu dipotong sekerat. Kemudian pemuda itu merasa kedua-dua pergelangan tangannya dikerat.

(Anwar Ridhwan, 2015: 87)

Melalui petikan novel ini dapat disimpulkan bahawa Presiden sememangnya seorang pemimpin yang begitu kejam sehingga sanggup melakukan penyiksaan yang sangat ganas demi memastikan rahsianya selamat daripada pengetahuan orang lain. Sindiran ini dilakukan bagi mengkritik segelintir pemimpin yang rela melakukan apa sahaja termasuk bersikap kejam bagi mengekalkan kekuasaan dan kedudukan mereka. Perkara ini dibuktikan melalui gambaran kesanggupan watak Presiden yang telah menyiksa pemuda itu tanpa ada sekelumit pun rasa bersalah dalam dirinya itu.

ii. Politikus Muda

Anwar telah menyelitkan watak politikus muda dalam novel ini dengan tujuan untuk mengkritik segelintir masyarakat yang mengambil jalan yang salah semata-mata ingin mendapatkan sesuatu yang diinginkan tanpa perlu berusaha sedikit pun. Berdasarkan watak ini dapat dikatakan bahawa pengarang cuba untuk menyindir masyarakat yang terdiri daripada ahli politik yang memilih untuk berlaku kejam asalkan mereka boleh berada dalam institusi pemerintahan negara dengan mudah tanpa perlu bersaing dengan yang lain. Perkara ini digambarkan melalui perbuatan kejam watak politikus muda yang sanggup menerima arahan daripada Presiden supaya membunuh lelaki dari Runakita. Hal ini boleh diteliti dengan lebih jelas melalui petikan berikut:

Presiden telah meminta seorang politikus muda – yang sebelum ini hampir tidak pernah dikenal dalam politik Ogonshoto – untuk menamatkan riwayat lelaki dari Runakita itu, dengan maut yang seolah-olah terjadi akibat kemalangan.

Politikus muda itu tidak mengambil masa panjang untuk bersetuju melaksanakan misi sulit tersebut. Ini peluang keemasan fikiran, untuk memanjat tangga kekuasaan dan berada di koridor kekuasaan Ogonshoto, setelah mendapat kepercayaan Presiden.

(Anwar Ridhwan, 2015: 114)

Berdasarkan petikan novel ini dapat diperhatikan bahawa politikus muda merupakan seorang ahli politik yang sanggup melakukan kekejaman terhadap rakyat Ogonshoto. Kekejamannya yang dilakukan terhadap lelaki dari Runakita itu telah membantunya untuk berada dalam institusi pemerintahan Ogonshoto dengan cepat sekali. Perkara ini telah membuktikan bahawa kritikan Anwar terhadap ahli politik menggambarkan cara hidup

mereka untuk memperoleh kekuasaan dalam struktur pemerintahan. Hanya dengan melakukan perbuatan yang keji sebegini seorang ahli politik itu mampu untuk menempatkan diri mereka dalam struktur pemerintahan tanpa perlu berusaha sedikit pun.

iii. Bekas Komandan

Bekas komandan merupakan watak seorang anggota tentera yang pernah berkhidmat untuk melaksanakan setiap perbuatan keji Presiden. Anwar menerapkan watak ini mungkin untuk memaparkan realiti sebenar berkaitan dengan anggota tentera di sesebuah negara yang sentiasa berada di bawah penguasaan pemimpin sepenuhnya. Melalui watak ini pengarang menggambarkan watak bekas komandan ini menjalankan tugas dengan hanya menurut sahaja perintah dari Presiden untuk membunuh lelaki aktivis hak asasi manusia walaupun dia tahu perbuatan membunuh itu adalah satu perkara yang sangat kejam untuk dilakukan ke atas makhluk yang bernyawa. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Komandan
[Berdiri tegak kira-kira lima kaki dari abang tuanya. Mengacukan pistol ke arah kepala abang tuanya].

Pita suara : Abang tuanya “Jangan bunuh aku! Bawa aku ke pengadilan!”
Bang!

Foto 3 : Tentera
[Menerjang mayat abang tuanya masuk ke dalam kawah gunung berapi Gora-Gora]
Abang tuanya
[Kepalanya sudah menjunam ke kawah. Hanya bahagian kaki abangnya kelihatan sedikit].

(Anwar Ridhwan, 2015: 167)

Petikan novel ini menunjukkan bahawa bekas komandan itu sememangnya sangat setia dan taat dengan perintah Presiden. Buktinya, dia sanggup melakukan kekejaman iaitu membunuh lelaki aktivis hak asasi manusia itu dengan begitu kejam sekali selepas menerima arahan daripada Presiden. Kritikan yang dilakukan oleh pengarang sebenarnya adalah untuk menggambarkan situasi sebenar tentang institusi ketenteraan di sesebuah negara. Institusi ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan keselamatan dan keamanan rakyat yang hidup dalam negara tersebut terjamin. Bukannya, institusi itu sendiri yang mengancam ketenteraman rakyat sehingga membuatkan mereka berasa ketakutan meskipun hidup dalam negara sendiri.

b. Penindasan ke atas Rakyat

Penindasan merupakan suatu perbuatan yang sangat jahat. Perbuatan ini sentiasa dilakukan oleh golongan masyarakat yang terdiri daripada orang-orang yang mempunyai kuasa, harta dan pangkat. Golongan ini bertindak menindas golongan yang lemah atau miskin demi kepentingan mereka sendiri. Melalui novel ini dapat diperhatikan kritikan yang dilakukan pengarang iaitu dengan memaparkan seorang pemimpin yang memanfaatkan kekuasaannya untuk menyeksa rakyat yang cuba menentang setiap keputusan yang

dilakukannya. Dalam novel ini, kritikan terhadap penindasan ke atas rakyat telah ditunjukkan dengan jelas oleh watak Presiden iaitu pemimpin tertinggi di Ogonshoto.

Watak Presiden dipilih oleh pengarang untuk menggambarkan golongan orang yang berpangkat menggunakan kekuasaan yang mereka miliki untuk perkara-perkara yang kurang bermanfaat. Penindasan merupakan salah satu daripada perbuatan yang dilakukan disebabkan golongan ini merasakan diri mereka cukup hebat. Sesiapa sahaja yang menentang golongan ini pasti akan ditindas sehingga mereka menjadi sangat lemah. Watak Presiden adalah watak yang terdiri daripada golongan ini. Presiden telah menindas kumpulan mahasiswa yang kurang bersetuju dengan pendapatnya berkaitan dengan konsep sistem pemerintahan yang bercorak kapitalisme. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Presiden serta seluruh anggota Dewan Kepresidenan mempersiapkan dan memperkuat mekanisme pertahanan tubuh, dengan protein-protein antibodi, yang sel-sel putihnya bersiaga melawan antigen mahasiswa. Konsep asrama universiti, tempat mahasiswa berkumpul dan boleh membuat gerakan kolektif segera, dihapuskan serta-merta. Berbondong-bondonglah para mahasiswa mencari rumah-rumah sewaan di luar kampus.

(Anwar Ridhwan, 2015: 20)

Melalui petikan novel ini dapat dikatakan bahawa Presiden menggunakan kuasanya untuk menindas kumpulan mahasiswa yang lemah dan hidup serba kekurangan. Hal ini kerana mereka telah bertindak menentang fahaman Presiden dalam menentukan corak pemerintahan Ogonshoto. Sikap watak ini jelas sekali telah menunjukkan sikap golongan berpangkat dan mempunyai kuasa gemar menindas masyarakat kebanyakan yang lemah supaya kedudukannya kekal utuh.

Bukan itu sahaja, dapat diteliti juga masalah penindasan ke atas rakyat ini melalui watak petugas kerajaan iaitu guru dari Tatamanu yang juga telah ditindas oleh Presiden. Hal ini boleh terjadi kerana guru itu telah mengkritik sikap Presiden yang kurang bertanggungjawab membahagikan tanah di Ogonshoto kepada musuh politik dan penyokongnya yang setia tanpa berfikir panjang. Tujuannya adalah sama iaitu untuk mengekalkan kekuasaannya di Ogonshoto. Kesan daripada tindakan tersebut guru dari Tatamanu serta ahli keluarganya yang lain telah ditindas oleh Presiden. Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas melalui petikan berikut:

Aku segera menelefon saudara-maraku, memberitahu akan arahan perpindahan yang mengejut itu. Kebanyakan mereka tiba-tiba menyalahkan aku, dan memarahi aku, kerana mereka juga dihukum. Ada yang dipindahkan. Ada yang diturunkan pangkat. Ada yang diberhentikan. Tindakan keras sudah dimulakan, seakan-akan “penghapusan keturunan” dalam skala kecil.

(Anwar Ridhwan, 2015: 147)

Petikan novel ini telah menunjukkan bahawa Presiden menindas sesiapa sahaja yang cuba menentang dan mengugat kekuasaannya. Presiden melakukan pelbagai perkara supaya

penentangannya dihapuskan tanpa memikirkan khidmat bakti yang dilakukan oleh orang yang menentangannya kepada negara. Perbezaannya, penindasan yang diterima oleh golongan sebegini lebih ringan jika hendak dibandingkan dengan rakyat biasa. Buktinya, guru dari Tatamanu itu hanya dipindahkan tempat mengajar dan bukannya dipecat.

Kritikan Sosial Terhadap Pemimpin

a. Rasuah dalam Kalangan Ahli Politik

Rasuah adalah pemberian yang dilakukan untuk menyogok atau menyuap seseorang untuk memperoleh sesuatu yang diinginkan dengan cara yang mudah. Suapan kebiasaannya terdiri daripada wang, hadiah bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun dan lain-lain lagi. Rasuah sebenarnya adalah sesuatu benda yang diberikan kepada seseorang yang telah mempunyai kuasa atau jawatan yang tinggi untuk memenangkan kesnya dengan menewaskan lawan-lawannya sesuai dengan perkara yang diinginkan. Hal ini juga mampu memberikan peluang kepada seseorang untuk menyingkirkan saingannya. Amalan rasuah dalam kalangan ahli politik ini telah digambarkan dengan jelas oleh pengarang melalui watak jeneral, pegawai kanan pemerintahan provinsi Ture dan Presiden.

i. Jeneral

Watak jeneral yang digarap oleh Anwar dalam novel ini digunakan bagi menggambarkan gejala rasuah yang berlaku dalam kalangan ahli politik. Gejala rasuah ini memang cukup sinonim dengan bidang politik kerana setiap ahli politik pasti akan terlibat dalam rasuah walaupun sekali dalam seumur hidup mereka. Oleh sebab itu, pengarang telah menyelitkan watak jeneral ini untuk mengkritik ahli politik yang sering kali terlibat dengan gejala rasuah semata-mata untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan dengan mudah. Rasuah dalam kalangan ahli politik ditunjukkan melalui perwatakan jeneral yang sanggup membahagikan keuntungannya yang bakal diperolehi jika dia yang memenangi pilihan raya itu nanti. Perkara ini dilakukan bertujuan mendapatkan sokongan daripada semua pihak supaya jeneral dapat memenangi pilihan raya tersebut. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Kek keuntungan kelak akan dibahagi sama rata kepada anggota komiti – berupa bot-bot mewah, kereta buatan Jerman dan sejumlah wang. Tetapi jangan lupa, pujuk mereka, untuk memilih jeneral kerana hanya jeneral satu-satunya yang punya upaya dan kebolehan membangunkan Ture.

(Anwar Ridhwan, 2015: 36)

Berdasarkan novel ini dapat diperhatikan bahawa jeneral mengamalkan amalan rasuah semasa tempoh berkempen. Hal ini dilakukannya demi memenangi pilihan raya dalam mendapat tempat untuk menjadi wakil Dewan Kepresidenan. Melalui kisah tersebut, dapat diteliti dengan lebih mendalam bahawa pengarang ingin menyatakan bahawa kebanyakan ahli politik melakukan rasuah bagi mendapatkan sesuatu tanpa perlu berusaha dengan lebih gigih. Jadi, jelaslah bahawa watak jeneral digunakan oleh pengarang untuk mengkritik

ahli politik yang gemar terjebak dengan gejala rasuah semata-mata untuk memenuhi kehendaknya sendiri.

ii. Pegawai Kanan Pemerintahan Provinsi Ture

Pegawai kanan merupakan watak yang memerintah provinsi di Ture. Watak ini dipilih oleh Anwar bagi memaparkan amalan rasuah yang juga turut berlaku dalam kalangan ahli politik. Watak ini memperlihatkan seorang penjawat awam yang sanggup melepaskan jawatannya hanya untuk menjadi calon pilihan raya sehingga terlibat dalam gejala rasuah. Penyertaannya dalam kempen pilihan raya telah menunjukkan bahawa pengarang telah meyelitkan isu rasuah yang sentiasa berlaku sewaktu kempen berlangsung. Perbuatan rasuah yang dilakukan oleh pegawai kanan ini dapat disaksikan melalui tindakannya yang rela membahagi-bahagikan duitnya untuk meraih sokongan para penduduk di Ture. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Dia mengeluarkan buku cek, menulis semua jumlah wangnya – kecuali baki minimum – untuk segera dikeluarkan. Tengah hari itu juga kedua-dua orang kuatnya pergi ke bank di Tatamanu.

(Anwar Ridhwan, 2015: 37)

Petikan novel ini menunjukkan bahawa pegawai kanan mengamalkan rasuah dalam kempen pilhan raya semata-mata untuk memperoleh undian yang banyak sehingga dapat menandingi pihak lawannya. Perbuatan ini merupakan perkara yang salah untuk dilakukan oleh sesiapa pun. Hal ini kerana dengan adanya gejala rasuah yang berlaku secara berleluasa dalam negara, kemungkinan kemajuan pembangunan negara tersebut terbantut. Perkara ini dikemukakan oleh pengarang untuk menunjukkan bahawa kurangnya sifat integriti dalam kalangan masyarakat yang mana ianya boleh diukur melalui tahap kemajuan sesebuah negara itu.

iii. Presiden

Watak Presiden juga digunakan bagi memberi gambaran tentang amalan rasuah dalam kalangan ahli politik yang terdapat dalam novel *Naratif Ogonshoto*. Melalui watak ini dapat disaksikan bahawa pengarang ingin mengkritik segelintir pemimpin negara itu sendiri yang mengamalkan rasuah. Sepatutnya, mereka yang perlu menjadi contoh tauladan yang baik kepada orang-orang dibawahnya supaya mengamalkan dan mengekalkan integriti sewaktu menjalankan tugas. Pengarang memaparkan perkara ini melalui gambaran peristiwa di antara Presiden dengan musuh-musuh politiknya. Perkara ini boleh dijelaskan dengan lebih mendalam melalui petikan berikut:

Presiden dalam upaya memenangi hati musuh-musuh politiknya, atau menghargai taat setia penyokongnya, membahagikan-bahagikan daratan Ogonshoto seolah-olah tanpa mengkaji implikasinya.

(Anwar Ridhwan, 2015: 142)

Melalui petikan novel ini dapat disimpulkan bahawa Presiden mengamalkan rasuah sepanjang dia memerintah Ogonshoto. Buktinya, Presiden sanggup memberikan tanah-tanah di Ogonshoto tanpa memikirkan kesan daripada perbuatannya itu nanti. Tindakannya itu hanya untuk memastikan musuh-musuhnya itu berpaling tadah daripada membencinya dan mula menyokongnya. Dengan cara ini, kedudukannya sebagai pemimpin Ogonshoto semakin kukuh kerana ramai penyokong yang mulai tunduk kepadanya. Perbuatan Presiden ini memperlihatkan bahawa negara Ogonshoto semakin mundur. Hal ini kerana amalan rasuah mengakibatkan pembangunan sesebuah negara kurang berkembang seperti negara-negara lain yang bebas daripada rasuah.

b. Perebutan Kuasa Antara Golongan Pemimpin

Perebutan kuasa merupakan salah satu masalah sosial yang sering kali juga berlaku dalam bidang politik. Perkara ini berlaku apabila wujudnya masyarakat yang ingin memerintah sedangkan pada waktu itu sudah adanya pemerintah. Maka dari situ, munculnya pelbagai strategi yang disusun oleh masyarakat tersebut untuk menjatuhkan pemerintah yang sedia ada. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* dapat disaksikan dengan jelas watak Presiden yang dikemukakan oleh pengarang telah menggunakan pelbagai taktik untuk menduduki tampuk pemerintahan Ogonshoto.

Presiden merupakan watak yang digarap oleh pengarang untuk memaparkan perebutan kuasa yang berlaku antara golongan atasan yang melibatkan watak Presiden dengan presiden yang ada pada waktu tersebut. Kebanyakan daripada golongan atasan, ramai yang terlalu mementingkan kekuasaan dan kedudukan mereka sahaja. Bagi mereka setiap elemen itu menyebabkan mereka dihormati dan semua orang bakal tunduk pada telunjuk mereka. Penyebab utama yang menyebabkan golongan-golongan ini berebut kuasa adalah kerana mereka ingin mengumpul dan menambahkan kekayaan mereka daripada manfaat setelah menjadi pemerintah. Kritikan ini dipaparkan melalui watak Presiden yang menyusun pelbagai strategi dengan berbekalkan kepada pengalaman sewaktu dia belajar dahulu. Buktinya, dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

Dia menyertai parti politik paling popular di Ogonshoto yang didukung pihak polis, tentera dan karyawan umum. Bersama gerak bintangnya yang naik dengan cepat, melalui orang-orangnya, dia mula mengumpul data tentang kelemahan dan kesilapan pihak atasan parti, termasuk Presiden ketika itu. Dia mengingat dan membaca kembali kajiannya tentang kumpulan haram atau kongsi gelap dahulu; tentang mengambil dan meluaskan kawasan, kaedah menyeksa dan membunuh musuh, hukuman kepada ahli kongsi gelap yang belot dan lain-lain lagi.

(Anwar Ridhwan, 2015: 18)

Berdasarkan petikan novel ini dapat diperhatikan bahawa Presiden menyusun strategi dengan begitu bagus sekali. Namun, strategi tersebut dilaksanakan dengan begitu kejam sekali. Pengarang telah menunjukkan bahawa golongan-golongan atasan berani melakukan pelbagai perkara asalkan mereka dapat memenuhi matlamat yang mereka telah tetapkan iaitu untuk menguasai tampuk pemerintahan negara. Buktinya, watak Presiden sanggup

menggunakan kaedah-kaedah kumpulan haram memperluaskan kuasa dalam proses perebutan kuasanya untuk menjadi pemerintah baru bagi Ogonshoto.

c. Penyelewengan Kuasa oleh Pemimpin

Penyelewengan kuasa merupakan penyalahgunaan kuasa yang kerap kali terjadi dalam kalangan masyarakat yang terlibat dalam bidang politik. Kebiasaannya, hal ini berlaku disebabkan oleh ahli-ahli politik terutamanya pemimpin yang ingin memenuhi keinginan mereka, mungkin sahaja mereka mahukan keuntungan yang boleh menjadikan mereka lebih kaya. Penyelewengan kuasa yang dilakukan oleh pemimpin dalam novel ini dipaparkan dengan sangat jelas oleh pengarang melalui penggarapan watak yang dilakukannya terhadap watak Presiden.

Anwar telah menggarap watak Presiden dengan meletakkan pelbagai perwatakan negatif termasuklah penyelewengan kuasa. Anwar menggunakan watak ini untuk menggambarkan sikap sesetengah pemimpin yang mengambil kesempatan terhadap kuasa dan kemudahan yang diterima untuk mengaut keuntungan. Penyelewengan kuasa yang dilakukan ini adalah untuk menambahkan kekayaan yang mereka miliki sehingga menyebabkan rakyat yang hidup dalam negara tersebut terpaksa melalui sebuah kehidupan yang serba kekurangan. Anwar telah memaparkan perkara ini melalui penceritaan berkenaan dengan cara Presiden menggunakan kuasanya sebagai pemerintah tertinggi Ogonshoto untuk melaksanakan pembangunan yang mendatangkan pulangan yang lumayan kepada dirinya. Perkara ini dapat dijelaskan melalui petikan berikut:

“Kau jangan bimbang. Siang tadi aku sudah menerima arahan daripada bapak Presiden. Menurut bapak Presiden, yang aku percaya kau pun akan menyetujuinya, membina padang golf tiga puluh enam lubang itu sangat menguntungkan.

(Anwar Ridhwan, 2015: 152)

“Betul tekaan mu. Betul sekali. Itulah yang akan kita lakukan. Kau tau, setiap golongan pendesak di luar sana, ada golongan kembarnya buatan kita. Jadi, golongan *environmentalist* buatan kita akan menyediakan laporan balas lapan puluh halaman, yang tentu sekali akan menyokong agar hutan pendalaman Kuri itu boleh ditutuh habis.”

(Anwar Ridhwan, 2015: 152-153)

Melalui petikan-petikan novel ini dapat dirumuskan bahawa penyelewengan kuasa yang diamalkan oleh Presiden telah membolehkan dia melaksanakan pembangunan yang telah dirancangkannya. Penyelewengan kuasa ini juga telah menyebabkan rakyat hidup terseksa akibat daripada pembangunan tersebut yang telah memusnahkan alam sekitar. Kritikan ini jelas sekali membuktikan pandangan pengarang terhadap masyarakat yang melakukan penyelewengan kuasa hanya mendatangkan keuntungan kepada diri mereka sahaja dan kesan daripada tindakan itu pula memberi masalah kepada masyarakat biasa.

d. Sikap Kurang Amanah

Sikap kurang amanah merupakan suatu tingkah laku yang wujud disebabkan oleh perbuatan penyelewengan kuasa yang dilakukan oleh seseorang yang hidup dalam

kelompok masyarakat. Tindakan ini adalah satu perbuatan yang kurang elok diamalkan oleh seseorang. Hal ini kerana sikap kurang amanah ini, bukan sahaja merugikan individu yang mengamalkan sikap ini, bahkan masyarakat di sekelilingnya juga bakal turut terkesan dengan tindakan tersebut. Kebiasaannya, sikap kurang amanah ini berlaku dalam kalangan orang yang mempunyai kuasa dan kedudukan yang tinggi dalam sekumpulan masyarakat. Sikap kurang amanah yang berlaku dalam kalangan masyarakat ditunjukkan oleh pengarang dengan begitu jelas melalui watak Presiden.

Anwar sekali lagi telah menggunakan watak Presiden dalam novel *Naratif Ogonshoto* untuk menggambarkan sikap kurang amanah yang wujud dalam kehidupan bermasyarakat. Melalui watak ini, Anwar cuba untuk menunjukkan sikap sesetengah pemimpin yang sering kali bersikap kurang amanah menjalankan tanggungjawab yang telah digalas oleh mereka. Golongan pemimpin seperti ini sentiasa mengambil kesempatan terhadap kemudahan yang mereka miliki untuk menguntungkan diri sendiri dan seluruh ahli keluarga mereka. Sikap kurang amanah ini juga turut dilakukan bagi menambahkan lagi kekayaan mereka. Tanpa mereka sedari sebenarnya, rakyat adalah golongan yang lebih berhak menggunakan kemudahan seperti itu supaya mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik lagi. Perkara ini telah dipaparkan oleh Anwar dalam novel *Naratif Ogonshoto* melalui watak Presiden yang turut memberikan hasil pendapatan negara kepada isterinya. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Isterinya bergelar “Ju”, dalam bahasa Jepun bererti sepuluh, mesti menerima sepuluh peratus komisyen dalam setiap urusan niaga pemerintah; tentu sahaja secara tidak langsung.

(Anwar Ridhwan, 2015: 22)

Berdasarkan kepada petikan tersebut, jelaslah bahawa sikap kurang amanah yang diamalkan oleh Presiden telah menyebabkan dia berani membahagikan hasil pendapatan negara kepada isterinya sendiri. Perkara ini berlaku hanya disebabkan oleh nama isterinya yang membawa makna sepuluh dan layak menerima sepuluh peratus keuntungan daripada perniagaan yang dilakukan untuk negara. Perkara ini tidak sewajarnya dilakukan walau apa pun sebabnya, kerana hasil pendapatan negara harus digunakan hanya untuk pembangunan negara dan membantu menyenangkan kehidupan rakyat yang hidup serba kekurangan. Bukannya, digunakan untuk kesenangan dan kepentingan diri sendiri sahaja. Kritikan ini jelas sekali menggambarkan pandangan pengarang terhadap masyarakat yang bersikap kurang amanah dalam melaksanakan tugas iaitu mereka sanggup menggunakan kelebihan yang mereka miliki hanya untuk memperbanyakkan harta dan kekayaan kepada diri mereka sahaja sehingga sanggup mengabaikan kebajikan rakyat.

e. Amalan Kronisme yang Berlaku dalam Kalangan Orang Atasan

Kronisme adalah amalan yang mengutamakan atau mementingkan teman-teman rapat dalam pelantikan sesuatu jawatan, pemberian sesuatu projek dan sebagainya. Menurut Che Abdullah Che Ya (2015), kroni juga dikenali masyarakat sebagai *cable*. Kebiasaannya, *cable* digunakan oleh segelintir masyarakat untuk mendapatkan sesuatu dengan mudah. *Cable* ini selalunya digunakan untuk memperoleh pekerjaan, memudahkan urusan usahawan dalam mendapatkan tender, membolehkan pekerja awam berpindah ke tempat

kerja yang mereka ingini dan banyak lagi. Amalan kronisme dalam politik ditunjukkan oleh pengarang dalam novel *Naratif Ogonshoto* dengan begitu jelas melalui watak para administrator dan watak Presiden.

i. Watak Para Administrator

Para administrator merupakan watak yang ditugaskan bagi menguruskan aisberg untuk dibawa ke Ogonshoto. Pengarang menghasilkan watak ini untuk menggambarkan amalan kronisme yang berlaku dalam kalangan orang atasan. Melalui watak ini pengarang telah mengkritik tindakan seseorang yang mempunyai kuasa hanya memberikan projek-projek besar kepada kenalan rapatnya sahaja sehingga menafikan kebolehan orang-orang biasa yang lagi berkemahiran daripada kenalannya. Dalam *Naratif Ogonshoto*, pengarang menceritakan cara amalan ini dilaksanakan dan ianya ditunjukkan melalui perwatakan administrator yang memberikan projek mendaratkan aisberg kepada syarikat-syarikat yang pernah berkhidmat dengan mereka sebelum ini. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Beberapa buah syarikat pembalakan yang telah berhasil membersihkan hutan-hutan di Futu-Ata, Rai-Rapa dan Gora-Gora, dilantik terus sebagai penanggungjawab memotong aisberg menjadi bongkah-bongkah yang berukuran sederhana. Mereka mempunyai gergaji-gergaji yang sesuai untuk memotong-motong badan aisberg itu.

Tuan-tuan punya kren di pelabuhan dipilih terus sebagai penanggungjawab untuk mengangkat bongkah aisberg serta memindahkan sama ada ke atas geladak kapal atau ke atas lori.

(Anwar Ridhwan, 2015: 62)

Berdasarkan petikan novel ini dapat dikatakan bahawa pengarang memaparkan watak para administrator untuk menggambarkan amalan kronisme yang dilakukan oleh orang atasan. Para administrator terus memilih orang-orang yang rapat dengannya tanpa mempertimbangkan orang lain untuk mengambil alih pelaksanaan projek tersebut. Melalui watak ini pengarang ingin menyatakan bahawa golongan seperti ini sebenarnya mempunyai sifat pentingkan diri sendiri kerana hanya ingin menguntungkan orang-orang terdekatnya sahaja.

ii. Presiden

Watak Presiden juga turut digunakan oleh pengarang untuk mengkritik amalan kronisme ini. Presiden seringkali melakukan perbuatan ini kerana dia ingin mengumpulkan kekayaan dirinya dan pengikutnya. Oleh sebab itu, setiap kali ada projek baru di Ogonshoto, Presiden pasti akan menyerahkan projek-projek itu untuk dilaksanakan oleh penyokong-penyokong setianya. Berdasarkan kepada penyampaian cerita ini, pengarang cuba untuk memperlihatkan bahawa amalan kronisme hanya menguntungkan masyarakat yang mempunyai kuasa dalam sistem pentadbiran dan berkepentingan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini boleh dibuktikan melalui petikan berikut:

“Betul katamu. Memang celaka pegawai negeri itu, berani meluluskan projek besar itu kepada bukan orang kita. Bukan orang Presiden.”

“Ya, begitulah. Bapak Presiden meminta kita bersiap-siap untuk mengambil alih projek itu pada masa yang sesuai. Kau tahulah sekarang ini golongan *enviromentalists* bajingan itu menjadi penghalang kita.

(Anwar Ridhwan, 2015: 152)

Petikan novel ini telah menunjukkan bahawa Presiden sangat berpegang teguh dengan amalan kronisme ini. Dia melakukan pelbagai cara untuk memastikan projek yang diwujudkan hanya boleh dilaksanakan oleh orang-orang yang rapat dengannya sahaja. Buktinya, Presiden sanggup memecat orang bawahannya kerana bersikap memandaimandai meluluskan projek itu kepada orang lain dan dia juga turut rela membatalkan terus pelaksanaan projek itu daripada dijalankan oleh orang selain daripada orang-orangnya.

f. Pemerintahan Diktator di Sebalik Sistem Demokrasi

Dalam bidang politik terdapat pelbagai bentuk pemerintahan seperti kapitalisme dan demokrasi. Sistem ini membolehkan rakyat menentukan bentuk sesebuah kerajaan. Menurut Mujibu (2020), demokrasi berasal daripada perkataan Yunani iaitu *demos* yang bermaksud rakyat, manakala *kratos* bermaksud pemerintahan. Definisi ini digunakan untuk menegaskan lagi bahawa dalam sistem demokrasi kuasa politik diagihkan secara meluas dalam kalangan rakyat dan kuasa kerajaan hanya wujud di atas persetujuan rakyat. Namun, dalam novel ini pengarang menggambarkan sistem ini belum lagi dapat diamalkan dengan cara yang betul. Watak Presiden merupakan watak yang dipaparkan oleh pengarang dengan begitu jelas sekali mengamalkan sistem demokrasi dengan cara yang salah.

Watak Presiden adalah pemerintah tertinggi Ogonshoto dan dia mempunyai kuasa penuh dalam setiap perkara yang berkaitan dengan pentadbiran negara. Pengarang menggarap watak ini untuk menggambarkan pemerintahan diktator yang dilaksanakan oleh golongan pemimpin walaupun negaranya memilih untuk mengamalkan sistem demokrasi. Pengarang mengkritik sikap pemimpin yang menyalahgunakan sistem pemerintahan demokrasi semata-mata untuk mengukuhkan kedudukannya itu. Peristiwa ini dipaparkan melalui perwatakan Presiden yang memerintah Ogonshoto berlandaskan kepada pemikiran Nicollo Machiavelli. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Kajiannya menyorot etimologi Roma itu yang memberi kuasa penuh kepada seorang majistret selama enam bulan berikutan keadaan darurat. Tulisannya turut mengupas peranan Sulla, Julius Caesar, Hitler dan Stalin. Dalam bab penutup dia turut menyentuh kediktatoran dengan pemikiran Nicollo Machiavelli seperti dalam buku-bukunya *Discourses on Livy* dan *The Prince*.

(Anwar Ridhwan, 2015: 14-15)

Petikan novel ini menunjukkan bahawa pemerintahan diktator yang dilaksanakan oleh Presiden untuk memerintah Ogonshoto adalah berasaskan kepada pemikiran Machiavelli. Pemikiran ini merupakan pemikiran yang berkonsepkan kepada matlamat menghalalkan cara dan ianya juga menekankan bahawa pemerintah memiliki kuasa mutlak serta perlu

ditakuti oleh semua rakyat. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa pemerintahan ini merupakan corak pemerintahan kuku besi kerana Presiden sentiasa bersikap kejam dengan penduduk Ogonshoto.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan ini merupakan sebuah novel yang mengandungi kritikan terhadap isu politik yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Ogonshoto yang diterajui oleh seorang pemimpin yang kejam. Kritikan sosial dalam novel ini banyak mengangkat isu-isu negatif berkaitan dengan masyarakat yang terlibat dalam bidang politik seperti rasuah dalam kalangan ahli politik dan amalan kronisme yang berlaku dalam kalangan orang atasan yang dipaparkan melalui watak Presiden dan pengikut-pengikutnya yang diselitkan oleh Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto*. Kritikan sosial mengenai politik ini banyak dibahas dalam novel ini kerana pengarang ingin menunjukkan kepada khalayak bahawa suasana politik yang berlaku dalam kalangan masyarakat tidak seindah yang dibayangkan. Buktinya, melalui novel ini dapat dilihat bahawa pengarang telah memaparkan pelbagai realiti kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan politik dan kritikan sosial ini dilakukan untuk memberi gambaran dan pengajaran kepada masyarakat bahawa ketidakstabilan sistem politik boleh menimbulkan banyak isu yang negatif dalam kalangan masyarakat itu sendiri.

RUJUKAN

- Anwar Ridhwan. 1979. *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. 1985. *Arus*. Petaling Jaya: Pustaka Cipta.
- Anwar Ridhwan. 1989. *Di Negeri Belalang*. Shah Alam: Marwilis Publisher.
- Anwar Ridhwan. 2015. *Naratif Ogonshoto*. Ed. Khas Sasterawan Negara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ariff Mohamad. 2016. Makna Siratan dalam Novel Politik Melayu Terpilih: Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Che Abdullah Che Ya. 2015. Bayangan Wacana Politik dalam Karya Sastera: Analisis Novel *Kawin-Kawin*. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 461-476.
- Laurenson, Diana & Swingewood, Alan. 1972. *The Sociology of Literature*. New York: Schocken Books.
- Mana Sikana. 1998. *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mawar Shafei. 2005. Hipoteks Tradisional Dalam Novel-novel Anwar Ridhwan. *Jurnal Pengajian Melayu* 16: 132-155.
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din & Phaosan Jehwae. 2020. Keunggulan Kepengarangan Novel-novel Terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 11(1): 68-87.

- Muhammad Ardi Kurniawan. 2011. Kritikan Sosial dalam Novel *Menunggu Matahari Melbourne* Karya Remy Sylado: Tinjauan Sosiologi Sastra. *Jurnal Bahastra* 26(1).
- Mujibu Abd Muis. 2020. Membedah Maksud Demokrasi. <https://www.sinarharian.com.my/article/90613/KOLUMNIS/Membedah-maksud-demokrasi> [12 November 2021].\
- Nur Afifah Vanitha Abdullah & Intan Zainatul Maria Zainudin. 2021. Aspek Sosiologi Filem *Pendekar Bujang Lapok* (1959). *Jurnal Melayu* Isu Khas Disember: 487-505.
- Rohana Yusof. 1997. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suwardi. 2011. *Sosiologi Sastra*. Jogjakarta: FBS Universitas Negeri Yogyakarta.
- Umar Junus. 1986. *Sosiologi Sastra: Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis:

Azean Nadhirah Azman adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda (Sastra) Persuratan Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (PhD) adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Bidang kepakaran beliau adalah Drama dan Teater. Beliau turut mendokumentasi ilmu dalam bidang Kebudayaan Melayu.